

12 JUN 1998  
Zam-Malott  
DUTA AS TIDAK ADIL, KATA ZAM

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Senator Datuk Zainuddin Maidin hari ini membidas Duta Amerika Syarikat ke Malaysia John R. Malott yang menggesa Malaysia supaya menghantar isyarat yang betul kepada pengurus dana asing, jika ia mahu menarik semula modal asing.

Zainuddin yang lebih dikenali sebagai Zam dalam satu kenyataan berkata seruan duta itu sebenarnya ditujukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ini disifatkannya sebagai "tidak adil".

Malott dalam satu temubual dengan Bernama di Washington berkata bahawa laporan dari Kuala Lumpur baru-baru ini bahawa pelabur asing bertujuan "menakluk" negara berikutan susut nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham, hanya akan menjauhkan para pelabur asing dan tidak banyak membantu memulihkan keyakinan mereka.

"Dr Mahathirlah yang telah beberapa kali menyatakan bahawa pelabur asing bertujuan menakluk negara ini berikutan susutnya nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham," kata Zam.

"Kenyataan Duta AS ke Malaysia itu adalah bersifat bias, tidak adil dan menampakkan keegoan kuasa besar atas haknya untuk menutup suara-suara nasionalisme pemimpin Asia," katanya.

Zam berkata adalah lebih baik bagi Malott yang kini berada di Amerika menasihatkan media negaranya untuk memberhentikan semua ulasan dan berita yang memberikan gambaran negatif terhadap Asia.

"Duta AS itu tentulah lebih memahami keadaan di Malaysia dibandingkan dengan negara-negara Asia lain," katanya.

Zam berkata setiap kali Malaysia menghantar mesej yang betul kepada pengurus dana asing, media Amerika yang berpengaruh menidakkan dengan membesarkan berita dan analisis yang membimbangkan pelabur-pelabur asing untuk kembali ke Malaysia.

"Barang-kali Duta AS itu gentar jika namanya tercemar di AS kerana cuba untuk campur tangan dalam pengendalian media di AS tetapi beliau berasa berhak sebagai kuasa besar untuk campur tangan bagi menutup suara pemimpin-pemimpin Asia.

"Inilah demokrasi talam dua muka yang diamalkan oleh AS," kata beliau.

Malott juga berkata pelabur asing masih berminat untuk melabur di Malaysia tetapi mereka mengambil sikap tunggu dan lihat kerana, walaupun tindak balas ekonomi makro kerajaan terhadap krisis ekonomi adalah baik, tetapi para pelabur masih bimbang berkaitan penggunaan dana awam untuk membantu syarikat-syarikat tertentu.

Zam berkata kebanyakan kenyataan Dr Mahathir berhubung kegawatan ekonomi Asia adalah dalam konteks sejarah kapitalisme yang diamalkan oleh Amerika sendiri.

"Malah dalam beberapa hal, Dr Mahathir telah membantu memperkenalkan kapitalisme yang berjaya di Malaysia kepada dunia ketiga," kata beliau.

"Keyakinan negara-negara ini untuk menerima kapitalisme adalah kerana mereka melihat bukti kejayaannya di Malaysia."

Katanya, beliau amat kesal kerana Duta Amerika itu seolah-olah tidak mengetahui langkah-langkah dan usaha-usaha Malaysia untuk membantu memulihkan ekonomi sebaliknya berasa berhak untuk campur tangan dalam sosio-politik negara ini bagi menentukan masa depan Amerika di Asia.

Sebaliknya, Zam memuji Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia David Moss kerana bersikap positif terhadap masa depan negara ini dan telah mengambil langkah untuk membantu Malaysia dalam menghadapi kegawatan

ekonomi.

Moss semalam mengumumkan kerajaan British telah memulakan satu skim biasiswa bernilai 3 juta paun (RM19.5 juta) untuk membantu pelajar Malaysia di United Kingdom yang terjejas akibat kejatuhan nilai ringgit.

-- BERNAMA

ES AU NMO